

**SULIT**

---



Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2018/2019

Jun 2019

**HMT505 – Semantik Dan Wacana Bahasa Melayu Lanjutan**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi LAPAN (8) muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

**ARAHAN:**

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi DUA bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.
2. Jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja.
3. Jawab DUA (2) soalan daripada setiap Bahagian A dan B.
4. Jawab Bahagian A dan Bahagian B dalam DUA buku jawapan yang berlainan.

...2/-

**SULIT**

Bahagian A: Jawab DUA (2) soalan sahaja.

1. Jawab soalan [a] dan [b] berdasarkan **DATA A**.

- [a] Berdasarkan Heim & Kratzer (1998) dalam teori Semantik Generatif, kegramatisan dan ketidakgramatisan ayat dari aspek semantik boleh diperincikan melalui peranan teta. Senaraikan ayat yang gramatis dan tidak gramatis dari aspek semantik yang terdapat dalam **DATA A**.

[14 markah]

- [b] Berdasarkan **DATA A**, huraikan konsep peranan teta bagi frasa bergaris yang gramatis.

[11 markah]

**DATA A**

- i. Salmah menjenguk keluar dari pintu dapur.
- ii. Pintu belubur itu pun kami buka.
- iii. AS Roma menamatkan rekod tanpa kalah 17 perlawanan mereka hujung minggu lalu.
- iv. Ribut kencang melanda kawasan berkenaan menyaksikan perlawanan dibatalkan pada saat-saat akhir.
- v. Idea yang baru itu tidur dengan lena.
- vi. Parti Perikatan menang besar.
- vii. Kini ghazal amat popular di negeri Johor.
- viii. Esok, baginda dijadual menghadiri sambutan Hari Warga Tua peringkat Kebangsaan di Dewan Warisan, di sini.
- ix. Kedai menghantar kawat kepada abang di rumah.
- x. Saya dengar khabar perempuan-perempuan Melayu di sana comel-comel.
- xi. Pokok berlanggar dengan sebuah kereta.

Sumber: Korpus Dewan Bahasa & Pustaka

...3/-

2. Jawab soalan [a] dan [b]. Jawab soalan [b] berdasarkan **DATA B**.

[a] Dengan menggunakan contoh-contoh yang sesuai, berikan definisi analisis komponen makna dalam kajian semantik berdasarkan pandangan Lyons (1981) dan Jackson (1988).

[10 markah]

[b] Menurut Geeraerts (2010), analisis komponen makna merupakan model deskriptif untuk isian semantik yang membentuk konsep komponen atau fitur.

Berdasarkan kenyataan ini huraikan ciri-ciri makna leksikal kata kerja dalam **DATA B**.

[15 markah]

<b>DATA B</b>		
berhidang	belikan	berlaga
bertembakan	berjemur	
bersalaman	berdebaran	

3. Berdasarkan **DATA C**, jawab soalan [a] dan [b].

**DATA C**

1. Alhamdulillah, syukur kita kepada Allah S.A.W. kerana dapat kita bersama di Majlis Pelancaran Projek E- Syariah hari ini.. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan projek E-Syariah; terutamanya kepada MAMPU sebagai agensi peneraju yang menyelaras pelaksanaan projek ini; kepada Jabatan Kehakiman Syariah sebagai agensi pelaksana; dan kepada Sarawak Information Systems Sdn. Bhd. (atau SAINS) selaku pihak yang membangunkan sistem E-Syariah ini.
2. Pelancaran E-Syariah hari ini menandakan setapak lagi kemajuan pentadbiran hal-ehwal Islam di negara kita, sesuai dengan tuntutan masa dan persekitaran. Sekaligus E-Syariah menjawab persoalan sejauhmana komitmen Kerajaan kepada usaha berterusan untuk meningkatkan mutu perkhidmatan jentera pentadbiran kepada orang ramai, dan khususnya untuk menambahbaik pentadbiran hal-ehwal Islam dan melengkapkan usaha- usaha menegakkan syiar Islam.
3. Kerajaan memang berhasrat untuk membawa pembaharuan kepada jentera Kerajaan secara menyeluruh dengan menggunakan ICT. Langkah Kerajaan memperkenalkan teknologi terkini dan membangunkan sistem elektronik bagi membantu pentadbiran hal-ehwal Islam seumpama E- Syariah ini memang dirancang. Ia bertujuan memastikan pentadbiran hal-ehwal Islam terus dilengkapkan dengan peralatan terkini untuk menjadikannya jentera dan organisasi yang mampu menangani cabaran dan harapan baru.

Sumber: ucapan teks Tun Dr. Mahathir dalam Majlis Pelancaran E-Syariah

- [a] Kenal pasti dan huraikan aspek berikut:

- [i] sinonim mengikut pandangan Lyons (1994)
- [ii] penggunaan penghubung berdasarkan Halliday & Hasan (1976)

[10 markah]

- [b] Bincangkan dengan kritis peranti linguistik dalam kohesi dan koheren sesebuah wacana.

[15 markah]

...5/-

Bahagian B: Jawab DUA (2) soalan sahaja.

4. Jawab soalan [a], dan [b].

[a] Huraikan metafora interaktif Black (1962) dan metafora konseptual Lakoff dan Johnson (1980; 2013). Sertakan gambar rajah dalam huraian anda.

[16 markah]

b] Berdasarkan [a], tunjukkan dengan terperinci cara ujaran berikut boleh dianalisis untuk mendapatkan makna. Konteks ujaran diberikan dalam data yang berkenaan. Gunakan mana-mana satu teori yang sesuai sahaja.

[i] United mara, singkir PSG [DATA D]

[9 markah]

**DATA D**

**United mara, singkir PSG**

PARIS: Manchester United mara ke suku akhir Liga Juara-Juara selepas Marcus Rashford menyempurnakan sepakan penalti pada masa kecederaan selepas reviu VAR mencetus kemenangan 3-1 ke atas Paris Saint-Germain, awal pagi tadi. Berikutan itu, United layak ke suku akhir walaupun agregat terikat 3-3 tetapi kelab berkenaan mara menerusi peraturan gol di tempat lawan.

Sumber: <https://www.bharian.com.my/sukan/bola/2019/03/538175/united-mara-singkir-psg> 7 Mac 2019

5. Jawab [a] dan [b].

[a] Huraikan perkara-perkara berikut bersertakan contoh-contoh yang sesuai.

[i] teori prototaip [Rosch,1973]

[ii] semantik bingkai [Fillmore, 1982]

[16 markah]

[b] Rujuk **DATA E** dan bina SATU bingkai semantik bertajuk "Bingkai Semantik Hartanah".

[9 markah]

**DATA E**

Kempen Pemilikan Kediaman pacu pasaran hartanah

Oleh Mohd Zaky Zainuddin

[zaky@bh.com.my](mailto:zaky@bh.com.my)

PETALING JAYA: Inisiatif kerajaan dalam melaksanakan Kempen Pemilikan Kediaman (HOC) selama enam bulan berakhir Jun ini bakal memacu pasaran hartanah tempatan.

[...]

"Kami menyokong inisiatif ini kerana membuka ruang kepada pembeli memiliki kediaman dengan diskaun minimum 10 peratus daripada pemaju dan sifar duti setem untuk dokumentasi pinjaman dan memorandum tukar hak milik (MOT) bagi kediaman berharga RM1 juta ke bawah.

"Ia secara jelas mengurangkan bebanan kewangan pembeli dan membolehkan pemaju menjual unit kediaman," katanya pada sidang media Ekspo Hartanah Malaysia (MAPEX) 2019 Zon Klang/Shah Alam di sini, hari ini.

[...]

"MAPEX 2019 Zon Klang/Shah Alam akan menawarkan pelbagai kediaman bernilai RM298,000 ke atas termasuk unit apartmen servis, teres, kondominium, banglo dan SoHo Suites di sekitar Setia Alam, Kota Kemuning, Bandar Bukit Tinggi, Puncak Alam dan Rawang," katanya.

[...]

Sumber: <https://www.bharian.com.my/bisnes/hartanah/2019/02/535262/kempen-pemilikan-kediaman-pacu-pasaran-hartanah> 7 Mac 2019

6. Jawab [a] dan [b].

[a] Dengan menggunakan gambar rajah yang berkaitan, huraikan dengan kritis model 3-dimensi Fairclough [1992;1995] untuk menganalisis wacana.

[10 markah]

[b] Dengan menggunakan pendekatan dalam [a], analisis secara kritis wacana dalam **DATA F**.

[15 markah]

**DATA F**

Malaysia perlu banyakkkan wacana, terbit buku ilmiah

Oleh Nur Sabrina Suhaimi

[bhsastera@bh.com.my](mailto:bhsastera@bh.com.my)

KUALA LUMPUR: Wacana kepentingan penerbitan buku ilmiah kurang diberikan perhatian meskipun ia menjadi keperluan dalam membina masyarakat bertamadun dan berperadaban.

Apatah lagi dengan lambakan buku dan novel yang ditulis secara ringan serta bersifat popular, tidak ramai yang memberikan pengamatan terhadap adap pembinaan budaya ilmu melalui buku ilmiah.

Dengan ibu kota ini bakal menjadi Ibu Kota Buku Dunia Pertubuhan Pendidikan, Sainifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) pada tahun depan, fokus perlu juga terarah kepada penerbitan dan pembudayaan buku ilmiah dalam masyarakat.

Justeru usaha Pusat Kajian Tinggi Islam, Sains dan Peradaban (CASIS), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) yang menganjurkan forum Tradisi dan Pengalaman Penerbitan Karya 'Ilmiyyah sempena program Ma'dabah Ilmu di UTM di sini, diharap dapat merentas laluan baharu dunia buku tanah air.

Penekanan yang diberikan Pensyarah Pusat Kajian Tinggi Islam, Sains dan Peradaban (CASIS), Prof Madya Dr Wan Suhaimi Wan Abdullah, terhadap penulisan ilmiah berdasarkan tradisi Islam yang mula bertapak sejak turunnya wahyu al-Quran, perlu menjadi asas dalam konteks pembudayaan membaca di negara ini.

[...]

Beliau berkata, ini berbeza dengan zaman sebelum Islam, iaitu jahiliyah yang penuh dengan syair tetapi pengisiannya kosong dan tidak dapat membina akal budi manusia yang sebenar.

...8/-

“Oleh itu, kita wajar memahami pengarang dan penulis boleh bermain dengan bahasa tetapi perlu menitikberatkan pengisian berilmiah, benar dan serius, sekali gus memberi impak kepada pembangunan masyarakat.

[...]

“Karya ilmiah dalam konteks alam Melayu tidak pernah sunyi dengan ulama dan sarjana hebat sentiasa meninggalkan karya penting buat umat manusia.

“Malah ia sudah pun bermula seawal abad ke-15, iaitu Sheikh Hamzah Fansuri yang terkenal dengan Syair Perahu hingga Tan Sri Prof Dr Syed Muhammad Naquib al-Attas.

“Mereka wajar dicontohi kerana nilai tradisi keilmuan dan kehalusan budaya mengangkat karya mereka sebagai karya paling terbaik, malah boleh dibandingkan karya luar negara,” katanya.

Sumber: <https://www.bharian.com.my/rencana/sastera/2019/03/537217/malaysia-perlu-banyakkan-wacana-terbit-buku-ilmiah> 7 Mac 2019